



KERAJAAN MALAYSIA

Iklan Pra Kelayakan Kontraktor Bagi Tender Kerja

1. Kerajaan Malaysia berhasrat mempelawa tender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui Pra Kelayakan untuk **Mereka Bentuk, Membina, Menyiapkan dan Mentauliah** bagi **Cadangan Projek Penghantaran: Menaiktaraf 132kV SSU Dam Road kepada 132/33/11kV Serta Projek Penghantaran: Menaiktaraf PMU Dam Road Kepada 275kV.**

2. Keterangan Am Kerja

Objektif Projek:

Bagi memenuhi keperluan/ ketetapan keperluan N-1 seperti yang digariskan dalam Kanun Grid Sabah & Labuan yang mana secara tidak langsung meningkatkan kestabilan pembekalan elektrik di Lahad Datu di mana lebih banyak kuasa dipindahkan dari pantai barat ke kawasan Lahad Datu, Tawau dan Semporna melalui rangkaian 275kV.

Skop Kerja:

- i) Pembinaan satu (1) bangunan PMU Dam Road 275kV dan kerja sivil berkaitan bagi pengalihan Menara di PMU Segaliud dan pembinaan tiga (3) menara penghantaran yang baru;
- ii) Peningkatan peralatan sedia ada 132kV ke 275kV merangkumi *Switch Gear* 275kV GIS, dua (2) Transformer 275/132 kV, satu (1) Transformer 132/33kV, dua (2) *Switch Gear* 33/11kV, ERS serta rekabentuk dan pemasangan *Line Reactor*;
- iii) Pemasangan OPGW 24 Core dari PMU Segaliud ke PMU Dam Road; dan
- iv) Kerja-kerja lain berkaitan seperti EIA, *Land Survey* untuk tapak PMU, *Soil Investigation* dan lain-lain.

3. Syarat-syarat untuk Pra Kelayakan

Permohonan Pra Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- i) **Pendaftaran Kontraktor**
 - a) Jenis Syarikat – T1 Syarikat 100% milik tempatan bertaraf BUMIPUTRA;
 - b) Mempunyai pendaftaran seperti berikut:

- i. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB); dan
- ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred **G7**, **Kategori ME** bagi Pengkhususan **E23 dan E25** serta **Kategori CE** iaitu **CE21**.

Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dari menyertai tender, **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Pra Kelayakan ini. Setiap pendaftaran seperti di perenggan 3 (i)(b) (i) dan (ii) di atas hendaklah masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya melebihi tiga (3) bulan dari tarikh tutup Pra Kelayakan.

ii) **Keupayaan Kontraktor**

a) **Keupayaan Kewangan**

Mempunyai *Nett Worth* melebihi **RM16,480,000.00** atau Modal Pusingan (*Working Capital*) melebihi **RM8,240,000.00** atau Modal Mudah Cair melebihi **RM 4,944,000.00**.

b) **Keupayaan Teknikal**

- i. Kontraktor hendaklah mempunyai pengalaman yang mencukupi iaitu kerja yang serupa* atau sebanding* dengan skop kerja di dalam tempoh lima (5) tahun lalu serta berpengalaman sebagai Kontraktor Utama dan melaksana dan menyiapkan projek serupa. Namun begitu pengalaman sebagai sub-kontraktor bagi projek Kerajaan boleh di ambil kira;
- ii. Nilai tahunan keseluruhan kerja bagi projek-projek pembinaan yang serupa yang dilaksanakan dengan jayanya tidak kurang dari **RM24,720,000.00**;
- iii. Kontraktor tidak mempunyai kerja semasa yang sakit serta bebas dari prestasi tidak memuaskan dari segi tempoh penyediaan projek serta kualiti kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dalam tempoh (5) tahun adalah memuaskan; dan
- iv. Kontraktor tempatan (Sabah) adalah diberi keutamaan.

***Serupa** – Kerja-Kerja Voltan Tinggi sehingga 275kV

***Sebanding** - Kerja-Kerja Voltan Tinggi sehingga 132kV

4. Bagi Kontraktor / Syarikat yang tidak mempunyai modal dan pengalaman seperti yang ditetapkan, dibolehkan menyertai tender secara usahasama (*joint venture*) dengan syarat setiap Kontraktor / Syarikat hendaklah mempunyai sama ada sijil SPKK dalam kategori dan pengkhususan di bawah tajuk dan tajuk kecil yang ditetapkan mengikut nilai tender. Surat perjanjian antara Kontraktor / Syarikat dan maklumat peratus pegangan dalam usahasama perlu dimajukan bersama dokumen tender yang dikemukakan.
5. Dokumen Pra Kelayakan boleh diperolehi di pejabat **Kaunter Tender dan Sebut Harga, Bahagian Kewangan, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Aras 7, Blok C4, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62662, Putrajaya** dari **16 Disember 2019 (Isnin) hingga 30 Disember 2019 (Isnin)** semasa waktu pejabat. Dokumen Pra Kelayakan akan hanya dikeluarkan kepada wakil atau ejen kontraktor yang diberi kuasa sahaja. Wakil atau ejen dikehendaki mengemukakan bukti pendaftaran seperti di perenggan 3 dengan menunjukkan sijil/perakuan pendaftaran asal.
6. Harga dokumen ialah **RM50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja)** senaskah dan pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atau Draf Bank di atas nama '**Ketua Setiausaha MESTECC**' dan dipalang 'Akaun Pembayar Sahaja'. Yuran dokumentasi ini tidak akan dikembalikan.
7. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dengan dinyatakan nama projek dan nombor rujukan tender **MESTECC.KEW.S.400-10/3/TK/9-2018** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat berikut, **tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada 13 Januari 2020 (Isnin)** di alamat berikut:

Kaunter Tender dan Sebut Harga

Bahagian Kewangan

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)

Aras 7, Blok C4, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62662 Putrajaya